

# ZIA sasar RM3,000 sebulan



**ZIA diwujudkan untuk meningkatkan pengeluaran produk perikanan dan melahirkan usahawan berjaya.**

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani menasarkkan pengeluaran akuakultur akan bertambah kepada 662,000 tan metrik bernilai RM6.3 bilion menjelang 2010.

Pengeluaran ini merangkumi 230,000 tan metrik ikan air tawar, 180,000 tan metrik udang laut, 122,000 tan metrik ikan laut dan 130,000 tan metrik kerang-kerangan.

Berbanding dengan tahap pengeluaran akuakultur semasa sekitar 250,000 tan metrik setahun, pertumbuhan sebanyak 21.5 peratus setahun diperlukan.

Bagi merealisasikan, pihak kementerian telah melaksanakan Projek Berimpak Besar (HIP) iaitu Program Zon Industri (ZIA) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Terengganu pada 30 Januari tahun lalu.

ZIA merupakan program pengezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenalpasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial.

Ia merupakan satu strategi untuk meningkatkan pengeluaran ikan, udang dan kerang-kerangan yang ditetapkan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

Program pembangunan ZIA dirangka berdasarkan kepada matlamat yang ingin dicapai di bawah DPN3 dan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

Antara sasaran ZIA ialah meningkatkan pendapatan pengusaha sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan, mewujudkan peluang perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Perancangan ZIA meliputi perolehan tapak, pembangunan dari peringkat *hatchery*, operasi ternakan sehingga ke pintu ladang.

Bagi menjayakannya Jabatan Perikanan bertanggungjawab memberikan latihan, khidmat nasihat teknikal meliputi analisis kesesuaian tapak, pembangunan induk, biologi ternakan, operasi ladang, kawalan penyakit, promosi pasaran dan prosedur import dan eksport selain panduan dasar dan penempatan pegawai pengurus projek.

Pendekatan ZIA meliputi pembangunan spesifik berdasarkan geografi bagi kawasan yang diperolehi dari kerajaan negeri serta penawaran kepada pihak swasta melalui iklan.

Selain itu, pembangunan ZIA melibatkan dua peringkat iaitu infrastruktur utama dibangunkan oleh kerajaan sementara infrastruktur ternakan, perolehan peralatan dan operasi syarikat dilakukan oleh pihak swasta.

Contohnya, pembangunan projek di Sungai Como, Tasik Kenyir, Terengganu bagi kumpulan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dibiaya sepenuhnya oleh kerajaan.

Manakala modus operasi pemilihan syarikat peneraju pusat sehenti melalui jawatankuasa di peringkat kementerian dan semua kerajaan negeri.

Pemilihan peserta projek dilakukan di peringkat negeri melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Penyediaan kemudahan modal pula dibiayai sama ada oleh Bank Pertanian Malaysia (BPM) atau bank komersial lain.